

**Power Up Your Protection Campaign 2026 – Terma dan Syarat**

Terma dan Syarat Kempen Power Up Your Protection 2026 ("**Kempen**") dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Pendaftaran: 196001000142), Maybank Islamic Berhad (No. Pendaftaran: 200701029411) (secara kolektif dikenali sebagai "**Maybank**"), Etiqa General Insurance Berhad (No. Pendaftaran: 197001000276) dan Etiqa General Takaful Berhad (No. Pendaftaran: 201701025031) (secara kolektif dirujuk sebagai "**Etiqa**") dan hendaklah tertakluk kepada Terma dan Syarat Kempen ini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 1(D) di bawah) dengan ini bersetuju secara nyata untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini, dan apa-apa keputusan yang dibuat oleh Maybank dan Etiqa berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad dan terikat.

1. Kelayakan

- A. Kempen ini terbuka kepada individu yang mendaftar untuk pelan Insurans/Takaful Kereta atau pelan Insurans/Takaful Motosikal buat kali pertama melalui aplikasi MAE atau laman web Maybank2u dalam Tempoh Kempen (seperti yang ditakrifkan di bawah) ("**Urus Niaga yang Layak**" / "**Pemohon baharu**").
- B. Kempen ini terbuka kepada individu berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas dengan dokumen pengenalan diri yang sah.
- C. Kakitangan semasa Maybank dan kumpulan syarikatnya, serta kakitangan semasa Etiqa dan kumpulan syarikatnya, TIDAK layak menyertai Kempen ini.
- D. Semua pelanggan individu yang telah memenuhi kriteria di atas yang dinyatakan dalam Klausula 1(A) dan 1(B), serta telah berjaya melaksanakan Urus Niaga yang Layak selepas ini akan dirujuk sebagai "**Pelanggan yang Layak**". Pelanggan yang Layak akan secara automatik layak untuk menyertai Kempen ini.

2. Tempoh Kempen

- A. Kempen ini akan bermula pada **22 Mei 2026 jam 12:00:00 pagi (MYT) sehingga 21 Ogos 2026 jam 11:59:59 malam (MYT)** [termasuk kedua-dua tarikh] ("**Tempoh Kempen**").
- B. **Tempoh Kempen** akan dibahagikan kepada tiga (3) fasa ("**Fasa Kempen**"):
 - i. **Fasa 1:** 22 Mei 2026 – 21 Jun 2026
 - ii. **Fasa 2:** 22 Jun 2026 – 21 Julai 2026
 - iii. **Fasa 3:** 22 Julai 2026 – 21 Ogos 2026



Power Up Your Protection Campaign 2026 – Terma dan Syarat

3. Mekanisme Kempen

- A. Kempen ini hanya sah untuk urus niaga yang dibuat dalam aplikasi MAE atau laman web Maybank2u. Apa-apa urus niaga yang dibuat di luar aplikasi MAE atau laman web Maybank2u tidak akan diambil kira atau dipertimbangkan untuk Kempen ini. Kempen ini sah untuk akaun Maybank yang didaftarkan di Malaysia sahaja.
- B. Mekanisme Kempen dinyatakan dalam **Jadual 1**.

Jadual 1: Mekanisme Kempen

Urus Niaga yang Layak	Mekanisme
Pelanggan yang Layak yang mendaftar untuk Insurans/Takaful Kereta atau Insurans/Takaful Motosikal buat kali pertama melalui aplikasi MAE atau laman web Maybank2u.	Insurans/Takaful Kereta 200 pemohon kali pertama yang terawal bagi setiap Fasa Kempen akan mendapat baucar petrol bernilai RM20 - Fasa 1: 200 pemenang - Fasa 2: 200 pemenang - Fasa 3: 200 pemenang Insurans/Takaful Motosikal 200 pemohon kali pertama yang terawal bagi setiap Fasa Kempen akan mendapat baucar petrol bernilai RM20 - Fasa 1: 200 pemenang - Fasa 2: 200 pemenang - Fasa 3: 200 pemenang Sejumlah 1,200 pemenang (“Pemenang”) akan dipilih semasa Tempoh Kempen. Setiap Pelanggan yang Layak hanya berhak menerima maksimum satu (1) baucar petrol sepanjang Tempoh Kempen, tanpa mengira jenis insurans/takaful yang dibeli/didaftarkan atau fasa yang disertai. Hal ini terpakai walaupun Pelanggan yang Layak membeli/mendaftar untuk berbilang insurans/takaful dalam lebih daripada satu fasa.

Power Up Your Protection Campaign 2026 – Terma dan Syarat

Setiap Pelanggan yang Layak tidak berhak menerima apa-apa hadiah lain daripada kempen Insurans/Takaful Kereta atau Motosikal lain yang sedang dijalankan oleh Maybank dan kumpulan syarikatnya.

C. Contoh/senario kelayakan hadiah dinyatakan dalam **Jadual 2**.

Jadual 2: Senario

Senario	Kelayakan Hadiah
Pelanggan yang Layak ialah pelanggan ke-100 yang mendaftar untuk satu (1) pelan Insurans/Takaful Kereta melalui aplikasi MAE/laman web Maybank2u dalam Fasa 1. Pelanggan yang Layak tidak pernah membeli/mendaftar untuk pelan Insurans/Takaful Kereta melalui aplikasi MAE/laman web Maybank2u sebelum Tempoh Kempen.	Pelanggan yang Layak berhak menerima baucar petrol bernilai RM20.
Pelanggan yang Layak ialah pelanggan ke-250 yang mendaftar untuk satu (1) pelan Insurans/Takaful Kereta melalui aplikasi MAE/laman web Maybank2u dalam Fasa 1. Pelanggan yang Layak tidak pernah membeli/mendaftar untuk pelan Insurans/Takaful Kereta melalui aplikasi MAE/laman web Maybank2u sebelum Tempoh Kempen.	Pelanggan yang Layak tidak berhak menerima baucar petrol bernilai RM20. Pelanggan yang Layak bukan antara 200 pemohon yang terawal dalam Fasa 1.
Pelanggan yang Layak ialah pelanggan ke-100 yang mendaftar untuk satu (1) pelan Insurans/Takaful Kereta melalui aplikasi MAE/laman web Maybank2u dalam Fasa 1. Pelanggan yang Layak telah membeli/mendaftar untuk pelan Insurans/Takaful Kereta melalui aplikasi MAE/laman web Maybank2u sebelum Tempoh Kempen.	Pelanggan yang Layak tidak berhak menerima baucar petrol bernilai RM20. Pelanggan yang Layak bukan pemohon kali pertama untuk Insurans/Takaful Kereta.


Power Up Your Protection Campaign 2026 – Terma dan Syarat

Senario	Kelayakan Hadiah
Pelanggan yang Layak ialah pelanggan ke-90 yang mendaftar untuk satu (1) pelan Insurans/Takaful Kereta melalui aplikasi MAE/laman web Maybank2u dalam Fasa 1. Pelanggan yang Layak yang sama ialah pelanggan ke-100 yang mendaftar untuk satu (1) pelan Insurans/Takaful Motosikal melalui aplikasi MAE/laman web Maybank2u dalam Fasa 1. Pelanggan yang Layak tidak pernah membeli/mendaftar untuk pelan Insurans/Takaful Kereta atau Motosikal melalui aplikasi MAE/laman web Maybank2u sebelum Tempoh Kempen.	Pelanggan yang Layak berhak menerima baucar petrol bernilai RM20 bagi pembelian/pendaftaran Insurans/Takaful Kereta, tetapi tidak berhak menerima baucar petrol bernilai RM20 bagi pembelian/pendaftaran Insurans/Takaful Motosikal. Pelanggan yang Layak berhak menerima satu (1) baucar petrol semasa Tempoh Kempen.
Pelanggan yang Layak ialah pelanggan ke-100 yang mendaftar untuk satu (1) pelan Insurans/Takaful Kereta melalui laman web Etiqa dalam Fasa 1.	Pelanggan yang Layak tidak berhak menerima baucar petrol bernilai RM20. Pelanggan yang Layak tidak membeli/mendaftar untuk pelan Insurans/Takaful Kereta melalui aplikasi MAE atau laman web Maybank2u.
Pelanggan yang Layak ialah pelanggan ke-90 yang mendaftar untuk satu (1) pelan Insurans/Takaful Kereta melalui aplikasi MAE/laman web Maybank2u dalam Fasa 1. Pelanggan yang Layak tidak pernah membeli/mendaftar untuk pelan Insurans/Takaful Kereta melalui aplikasi MAE/laman web Maybank2u sebelum Tempoh Kempen. Pelanggan yang Layak ialah pelanggan ke-90 yang memperbaharui satu (1) pelan Insurans/Takaful Motosikal sedia ada melalui aplikasi MAE/laman web Maybank2u dalam Fasa 1.	Pelanggan yang Layak berhak menerima baucar petrol bernilai RM20 bagi pembelian/pendaftaran Insurans/Takaful Kereta. Pelanggan yang Layak tidak berhak menerima baucar petrol bernilai RM20 bagi pembelian/pendaftaran Insurans/Takaful Motosikal. Pelanggan yang Layak memperbaharui pelan sedia ada dan tidak membeli/mendaftar untuk pelan baharu.

**Power Up Your Protection Campaign 2026 – Terma dan Syarat**

4. Pemberian Hadiah

- A. Maybank dan Etiqa akan mengenal pasti Pemenang dan memberikan baucar petrol kepada Pemenang dalam tempoh sembilan puluh (90) hari kalendar selepas tamat Tempoh Kempen.
- B. Maybank dan Etiqa akan memberikan hadiah ke alamat e-mel berdaftar Pemenang melalui Mel Terus Elektronik (eDM) atau apa-apa kaedah komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Maybank dan Etiqa. Pemenang mesti memastikan butiran hubungan mereka dikemas kini, jika gagal, hadiah akan dibatalkan tanpa notis terdahulu.
- C. Pemenang mungkin dihubungi oleh Khidmat Pelanggan Kumpulan Maybank bagi tujuan pengesahan. Maybank berhak meminta dokumentasi atau bukti pengenalan, umur dan tempat kediaman bagi mana-mana Pemenang, dan Maybank berhak menghubungi Pemenang berkenaan apa-apa kempen berkaitan yang mungkin diadakan pada masa depan.
- D. Maybank dan Etiqa berhak menggantikan hadiah dengan apa-apa item lain yang mempunyai nilai pasaran yang sama mengikut budi bicaranya dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada Pemenang melalui pemberitahuan automatik daripada aplikasi MAE dan/atau Mel Terus Elektronik (eDM) atau apa-apa kaedah komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Maybank.
- E. Semua nama Pemenang dan nombor Kad Pengenalan mereka (4 digit terakhir) mungkin disiarkan pada halaman promosi Kempen di <http://www.maybank2u.com.my> dan/atau dalam apa-apa kaedah komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Maybank bagi tujuan ketelusan setelah menerima kebenaran Pemenang.
- F. Sekiranya Pemenang gagal mematuhi mana-mana Terma dan Syarat Kempen ini, Maybank berhak membatalkan hadiah untuk Pemenang tersebut.

5. Terma dan Syarat Umum

- A. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.

**Power Up Your Protection Campaign 2026 – Terma dan Syarat**

- B. Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, secara keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak untuk mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) sebelum tarikh tersebut, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.
- C. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.
- D. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberi kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut Penyata Privasi Maybank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my ("Maybank Privacy Statement") dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam *Maybank Privacy Statement* dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

- a) tujuan Kempen; dan
- b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen ini.

**Power Up Your Protection Campaign 2026 – Terma dan Syarat**

*Nota: "PDPA" merujuk kepada *Personal Data Protection Act (2010)* (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010)).

- E. Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul dari atau yang berhubung dengan Kempen ini kecuali disebabkan oleh apa-apa kecuai atau pengabaian oleh Maybank.
- F. Maybank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kegagalan melaksanakan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada ketentuan Tuhan, bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.
- G. Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki cuba mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen ini.
- H. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan, kekaburan atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia bagi Terma dan Syarat ini, Terma dan Syarat dalam versi Bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai.
- I. Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
- J. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Etiqa General Insurance Berhad/Etiqa General Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan



Power Up Your Protection Campaign 2026 – Terma dan Syarat

Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.